



NOTA PEMBENTANGAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

SEMPENA MAJLIS BICARA INSPIRASI BERSAMA-SAMA KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

“JEJAKI PENGALAMAN, AGENDA MAMPAN, INSPIRASI MASA HADAPAN”

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)
MASA : 2.30 PETANG – 4.30 PETANG
**TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA
INTAN BUKIT KIARA
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

(Salutasi disediakan berasingan)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bertemu pada hari ini sempena **Majlis Bicara Inspirasi Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)** bersama-sama dengan para **peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2024/2025**.
2. Seingat saya, ini pertemuan kedua saya dengan peserta DPA sekalian. Kali pertama adalah pada tempoh hari, iaitu ketika sesi bersama-sama dengan Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, di Dewan Bankuet kalau tak silap saya.
3. Kali ini, giliran saya pula untuk berkongsi tentang hemat saya dengan saudara dan saudari sekalian.

4. Jadi, rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan tahniah kepada anda semua atas kejayaan dilantik sebagai Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) bagi sesi DPA pada kali ini. Bukan laluan yang mudah pun.
5. Daripada lebih seratus ribu orang yang memohon (angka sebenar ialah 108,569 orang) dan setelah beberapa proses penilaian serta ujian dilaksanakan, maka pada hari ini, tinggal hanya **120 orang Kadet PTD**, di hadapan saya ini sahaja, yang diterima untuk meneruskan perjuangan dalam DPA. Syabas saya ucapkan!

MEMAKNAI FALSAFAH PELAKSANAAN MODUL-MODUL DPA

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

6. Saya pasti dalam tempoh tiga (3) bulan yang sudah, banyak ilmu dan pengalaman baharu yang telah ditimba menerusi modul-modul yang dilaksanakan. Terutama sekali daripada aspek pengukuhan sahsiah dan pembangunan diri – ***the hard skills and soft skill***. Mudah-mudahan semuanya masih bertahan dan terus berlapang dada untuk menerima ilmu-ilmu baharu.
7. Saya faham bahawa di hadapan saya ini datang dari pelbagai latar belakang – ada yang sebelum ini bekerja di sektor swasta dan ada juga yang pernah berkhidmat di sektor awam dalam skim perkhidmatan yang berbeza. Sudah tentu juga masing-masing mempunyai cara dan pengalaman kerja yang berbeza-beza.

8. Sebab itu saya pesan dan tekankan kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah INTAN supaya pendekatan pelaksanaan modul-modul dalam DPA dirangka dengan matlamat dapat melengkapkan para Kadet PTD sekalian dengan ilmu pengetahuan yang sesuai untuk diaplikasikan apabila dapat penempatan kelak.
9. Modul luar misalnya, kita rangka bukan saja-saja tetapi ada falsafah di sebaliknya yang perlu saudara dan saudari cakna. Sebagai contoh **Modul Orientasi Pertahanan Negara (OPN)** yang membentuk daya tahan (atau *resilience*) saudara dan saudari terhadap cabaran – **tahan fizikal, tahan mental dan tahan emosi.**
10. Kalau seorang PTD tidak sihat daripada aspek fizikal, tak memiliki ketahanan mental yang kuat, lemah dari segi emosinya (mudah koyak), macam mana nak tadbir negara? Tak usah cakap pasal negara – macam mana nak uruskan staf-staf bawahan nanti? Macam mana nak uruskan aduan awam? Macam mana nak memenuhi keperluan rakyat dan sebagainya? Jadi, kena sihat fizikalnya, kuat mentalnya, dan teguh emosinya.
11. Satu lagi modul luar, iaitu **Modul Pengurusan Ketenteraman Awam (Polis)** yang menerapkan **nilai kebolehajian dan disiplin yang tinggi.** Begitu juga dengan **Modul Bomba dan Penyelamat** yang sebenarnya melatih saudara dan saudari untuk sentiasa **bersedia menerima tekanan secara positif** dan **menguruskan cabaran dengan efektif** dalam apa jua keadaan.

12. *As quote says, “The true test of leadership is how well you function in a crisis.”*
13. Saya masih ingat ketika saya ditempatkan di Kementerian Dalam Negeri (KDN). Masa itu, penempatan saya adalah terlibat secara langsung dengan hal-hal keselamatan negara yang kerahsiaannya sangat dijaga. Jadi, di sinilah pengalaman semasa modul luar seperti polis dan bomba ini boleh diaplikasikan. Kita perlu sentiasa peka dengan perkara-perkara sensitif yang melibatkan rakyat serta perubahan yang berlaku di sekitar kita. Kita juga perlu bertindak betul pada masa yang tepat – *“behave rightly”*.
14. Itu kalau modul luar. Modul-modul lain pun tidak terkecuali. Setiap satunya ada matlamat tersirat yang kita mahu saudara dan saudari faham serta terapkan dalam kehidupan kerja yang sebenar.
15. Begitu juga dengan **pengurusan majlis** melalui pelaksanaan pelbagai program bermanfaat seperti sesi-sesi perkongsian sebelum ini dan juga sesi pada petang ini umpamanya. Bukan semata-mata nak saudara dan saudari dengar pengalaman tetamu yang dijemput, tetapi lebih daripada itu adalah untuk belajar tentang pengurusan majlis itu sendiri – bermula daripada perancangan sehinggalah ke hari kejadiannya.
16. Percayalah, jika majlis itu lancar, nescaya natijahnya anda akan menjadi antara pegawai kepercayaan di kementerian atau agensi anda ditempatkan nanti.

17. Mengapa saya katakan begitu? Sebab seorang pengurus acara yang berjaya – dia adalah **teliti, tertib, serta komited** dalam memastikan majlis yang diuruskan berjalan dengan lancar.
18. Dia juga akan **sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku** – bekalan elektrik terputus, LCD tiba-tiba tak berfungsi, tetamu yang hadir kurang daripada jangkaan dan sebagainya – ada pelan kontingensi serta tahu untuk bertindak pada waktu dan tempat yang tepat.
19. Jadi, sekarang ini, telah masuk bulan keempat. Saya harap, semua akan **lebih aktif, responsif, dan progresif** untuk menyambar segala peluang yang dihidangkan ke arah menjadikan diri anda sebagai seorang PTD yang unggul.

ASPIRASI KERAJAAN MADANI

Saudara dan saudari sekalian,

20. Untuk bercakap di hadapan Kadet PTD seperti hari ini, saya rasa tidak lengkap jika saya tidak membicarakan tentang dasar-dasar semasa Kerajaan. Lebih-lebih lagi apabila nanti, yang di hadapan saya inilah yang akan bersama-sama dengan saya serta rakan-rakan yang sedia ada dalam perkhidmatan, untuk menterjemahkan dasar-dasar yang diperkenalkan kepada pelaksanaan.

21. Saya pasti semua sudah melalui sesi taaruf berkenaan dengan **Malaysia MADANI**. Seperti yang semua sedia maklum, dasar yang berbentuk aspirasi ini digagaskan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, sebagai matlamat negara dalam mendepani cabaran global yang tidak menentu.
22. Gagasan Malaysia MADANI ini menekankan kepada enam (6) rukun, iaitu **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan**. Kesemuanya diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan yang mengambil kira keperluan semua lapisan rakyat, melalui reformasi substantif demi kemajuan dan kemakmuran Malaysia.
23. Ke arah itu juga, pelbagai dasar lain turut diperkenalkan.
24. Antaranya termasuklah **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (**NETR**), Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (**HETR**), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (**NIMP 2030**), Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (2024 – 2028) (**NACS**), Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (**PIKAS 2030**), serta beberapa lagi dasar lain.
25. Semuanya adalah untuk menyokong matlamat “**Membangun Malaysia MADANI**”.

26. Dalam **Belanjawan 2025** baru-baru ini misalnya (yang masih lagi dibahaskan di Dewan Rakyat ketika ini), Kerajaan turut bertekad untuk “**Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat**”, melalui **34 ikhtiar** yang digariskan. Sesungguhnya rakyat amat mengharapkan agar belanjawan ini membawa gelombang perubahan positif yang drastik dan tuntas kepada negara dalam pelbagai sudut.
27. Jadi, bagi menjamin berlakunya perubahan, tekad reformasi yang perkhidmatan awam anjurkan mestilah dipasak kemas mencakupi langkah-langkah yang lebih segar dan agresif, bagi meningkatkan lagi ketangkasan serta mutu perkhidmatan kepada rakyat.

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

28. Lantaran itu, Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam**. Dalam pertemuan dengan saudara dan saudari tempoh hari, ada Yang Berbahagia Tan Sri sebutkan sepintas lalu. (Siapa masih ingat berapa teras keberhasilan reformasi yang Tan Sri kongsikan ketika itu?) Ada **lima teras keberhasilan reformasi**, iaitu:
29. Pertama: **Penghayatan Nilai dan Tata Kelola**. Teras ini menekankan kepentingan **penerapan nilai tata kelola yang baik** dalam setiap diri penjawat awam. Misalnya, nilai **M.A.L.A.Y.S.I.A.**, iaitu **Mesra, Adil, Luhur, Amanah, Yakin, Setia, Islah** dan **Arif**.

30. Kedua: **Pembangunan Modal Insan**. Teras ini memfokuskan keperluan untuk meningkatkan kompetensi dan keupayaan pegawai awam agar lebih **produktif dalam mendepani dunia kompleks dan dinamik**. Sebagai contoh, untuk adaptasi kepada perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang pesat, kita hantar pegawai-pegawai untuk berkursus ke India dan China.
31. Ketiga: **Pembangunan Organisasi**. Teras ini menekankan **rasionalisasi dan penstrukturan semula agensi** bagi mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi seterusnya **mengurangkan kerugian sumber manusia serta kewangan** negara. Umpamanya, **penggabungan INTAN dengan *Razak School of Government (RSOG)*** yang insya-Allah akan berkuat kuasa pada tahun hadapan.
32. Keempat: **Penyampaian Perkhidmatan**. Teras ini bertumpu tentang usaha-usaha untuk **menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan** Kerajaan. Ini mengingatkan saya tentang suatu ketika dahulu apabila Malaysia merupakan negara pertama di dunia mengeluarkan pasport yang dilengkapi dengan ciri keselamatan biometrik menggunakan cip (tak silap saya pada tahun 1998). Masa itu, teknologi Malaysia jauh maju ke hadapan berbanding dengan negara serantau.
33. Jadi, banyak negara nak belajar dengan Malaysia. Saya sendiri terlibat dalam membuat perkongsian berkenaan dengan pasport yang Malaysia keluarkan dengan negara luar seperti Australia.

34. Walau bagaimanapun, ketika itu, kita mungkin leka dan terlupa untuk **buat penambahbaikan yang berterusan**. Sampai pada satu tahap, negara lain telah memintas kita, dan kita pula yang nak kena belajar dari luar.
35. Menyentuh tentang pasport ini juga, kalau sebelum ini nak memperbaharui (*renew*) pasport ambil masa beberapa bulan. Tetapi, selepas buat penambahbaikan dan dipacu juga oleh teknologi, maka sekarang cuma ambil masa satu jam sahaja untuk siap bagi mereka yang *walk-in*. Manakala bagi yang buat secara dalam talian menerusi *MyOnline Passport*, boleh dapat yang baharu dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
36. Tuntasnya di sini, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan perlu dilakukan secara berterusan agar kita tidak ketinggalan jauh daripada negara lain.
37. Teras keberhasilan yang kelima: **Memperkasakan Sinergi Awam dan Swasta**. Teras ini menekankan penyampaian perkhidmatan melalui **penggabungan kepakaran dan akses kepada sumber modal baharu**.
38. Sebagai contoh, melalui program **Inisiatif Transformasi Kampung Pulau Aman** di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan juga **Inisiatif Santuni MADANI di Kampung Telaga Ara, Gunong, Bachok, Kelantan** yang diselaraskan oleh INTAN. Kedua-dua inisiatif ini adalah contoh mudah untuk semua faham bagaimana sinergi beberapa pihak dapat memacu usaha ke arah mencapai matlamat yang sama.

H.E.M.A.T.

Saudara dan saudari sekalian,

39. Ketika mula-mula diberi tanggungjawab sebagai KPPA pada awal tahun tempoh hari, saya melihat terdapat keperluan untuk perkhidmatan awam menyambut idea serta gagasan Malaysia MADANI. Jadi, pada Februari 2024, saya telah memperkenalkan nilai **H.E.M.A.T.** untuk dipegang oleh semua penjawat awam.
40. H.E.M.A.T. ini adalah lebih bersifat individual dan lebih mudah untuk diterapkan dalam tugas seharian. Pembudayaan nilai ini dalam kalangan penjawat awam amat penting untuk membentuk **perkhidmatan awam yang progresif, inklusif, dan berdaya saing.**
41. Ada lima nilai yang membentuk H.E.M.A.T. dan setiap satunya mempunyai definisi serta penegasannya yang tersendiri.
42. **“Hijrah Tata Kelola”** menekankan tentang **transformasi pentadbiran yang lebih cekap dan responsif** terhadap perubahan. Manakala **“Empati Rakyat”** menggalakkan **pemahaman mendalam terhadap keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat.**

43. **“Minda Pekin”** pula mendorong penjawat awam untuk **berfikir di luar kotak** dan mengamalkan pendekatan yang lebih kreatif serta berinovasi, sementara nilai **“Apresiasi Inovasi”** menyuburkan budaya **menghargai idea baharu** yang mampu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan.
44. Akhir sekali, ialah **“Telus Tadbiran”** yang merupakan teras kepada **integriti** di samping memastikan setiap tindakan pentadbiran dilaksanakan dengan **kejujuran dan ketelusan**. Insya-Allah dengan gabungan nilai-nilai yang saya sebutkan tadi akan menghasilkan penjawat awam yang lebih berwawasan dan berfokuskan kepada kepentingan rakyat serta pembangunan negara.
45. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada INTAN atas usaha berterusan untuk menyebarkan luas dan memberikan pemahaman mengenai konsep H.E.M.A.T. ini agar dapat dibudayakan dalam perkhidmatan awam, sama ada melalui bicara aspirasi, dialog, buku, artikel, modul latihan dan sebagainya. Terima kasih, INTAN!
46. Dan sebenarnya, setiap kali membicarakan nilai H.E.M.A.T. ini, pasti akan membuatkan saya terdetik dan mengimbuai pengalaman-pengalaman lalu sepanjang saya berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

47. Misalnya apabila bercakap tentang “Empati Rakyat”. Dahulu semasa saya mengikuti kursus DPA sama seperti saudara dan saudari, untuk modul kampung angkat, kami ditempatkan di dua buah kampung. Satu di **Bekenu, Miri, Sarawak** dan satu lagi di **Kampung Pulau Aman, Pulau Pinang** (seperti yang saya sebutkan awal tadi).
48. Semasa penempatan tersebut, saya dapat melihat sendiri kesusahan penduduk. Yalah, awal 1990-an dahulu, apalah sangat kemajuan negara kita yang ada. Jadi, pengalaman tersebut **menerbitkan keinsafan untuk diri saya serta membentuk diri untuk lebih bersyukur dengan apa yang kita miliki.**
49. Sama halnya apabila saya jadi Ketua Pengarah di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM. Saya banyak buat program turun padang untuk melihat sendiri keadaan rakyat di luar sana terutamanya golongan yang miskin tegar. Turun bukan sebarang turun tapi sebab nak bantu mereka serta mencari solusi kepada isu-isu yang mereka hadapi – beri bantuan makanan, bantuan tempat tinggal, bantuan pekerjaan dan sebagainya.
50. Semuanya memberikan pengalaman yang berharga dan bermakna untuk saya.

“INDUSTRY READY” PTD

Hakikatnya saudara dan saudari sekalian,

51. Tadi saya dah sebut, nak masuk PTD bukan mudah. Nak jalankan tanggungjawab dan tugas sebagai PTD lagilah – tidak mudah. Apabila sudah dilantik ke dalam perkhidmatan nanti, saudara dan saudari akan berurusan dengan pemegang taruh di pelbagai lapisan – dari rakyat sehinggalah ke *your immediate bos*, kemudian ada Pengarah Bahagian, ada Ketua Setiausaha, ada Menteri dan sebagainya.
52. Setiap satunya mempunyai ekspektasi yang tinggi kepada kompetensi yang dimiliki oleh seorang PTD. Sudah pasti juga pengharapannya adalah supaya bakal-bakal PTD yang sedang dilatih sekarang ini akan mampu melaksanakan tugas dengan cekap dan baik seawal hari pertama perkhidmatan. Dalam erti kata lain, kita mahu supaya **PTD yang “dibidankan” oleh INTAN ialah “industry ready”**.
53. Selepas daripada DPA ini, anda akan dilantik ke dalam perkhidmatan dan ditempatkan di pelbagai Kementerian serta Agensi. Masing-masing akan diberikan tanggungjawab sebagai “*desk officer*” kepada salah satu daripada lapan (8) bidang utama PTD. Mungkin, dalam tempoh 20 hingga 30 tahun perkhidmatan, akan ada dalam kalangan saudara dan saudari yang berpeluang untuk melalui kesemua bidang ini.

54. Sehubungan dengan itu, sekali lagi saya tekankan agar sepanjang program DPA ini, saudara dan saudari ambil peluang seoptimum yang mungkin untuk mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan juga kompetensi. Inilah masanya, dan perkara ini penting agar anda mampu menjadi **“cream of the cream”** dalam perkhidmatan kelak.
55. Terkait dengan itu, kalau boleh saya kongsiikan di sini adalah tentang pengalaman saya semasa ditempatkan di Istana Negara. Penempatan tersebut banyak mengajar saya untuk sentiasa ambil tahu berkenaan dengan protokol. Lain orang yang kita berurusan, maka lain caranya untuk kita santuni. Makin tinggi jawatan seseorang itu, maka makin tinggi juga protokolnya.
56. Jadi, sebagai PTD, kita kena pandai untuk bawa diri dalam mana-mana situasi. Apabila orang lihat cara kita, gaya kita, orang tahu itulah PTD.

PENUTUP

Saudara dan saudari sekalian,

57. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua kerana berjaya terpilih sebagai Kadet PTD.
58. Menjadi harapan saya agar kesemua 120 orang yang berada di hadapan saya pada hari ini akan lulus dengan jayanya dalam program DPA INTAN.

59. Begitu juga semoga kesemuanya mendapat dan menerima surat lantikan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik, seterusnya bersama-sama dengan saya serta rakan-rakan perkhidmatan awam yang lain untuk berkhidmat kepada negara. Insya-Allah.

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

- TAMAT -

(2,401 patah perkataan tidak termasuk salulasi)